

02 JAN 2003

Najib-Ancaman (Bergambar)

HADAPI KEKUATAN ATM JIKA CEROBOH KEDAULATAN NEGARA, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Sebarang percubaan oleh mana-mana negara jiran untuk mencerooboh kedaulatan Malaysia atas dasar "forward defence" akan ditangan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan segala kekuatan ketenteraan, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

ATM memberi amaran kepada mana-mana negara yang mempunyai doktrin pertahanan "forward defence" (pertahanan hadapan) supaya jangan sekali-kali bertindak sehingga mencabuli kedaulatan darat, udara dan laut negara ini, katanya.

"Kita (ATM) akan menggunakan segala kekuatan untuk mempertahankan kedaulatan negara sekiranya ada negara yang mahu melaksanakan 'forward defence' atau 'pre-emptive strike'."

"Kita beri amaran yang jelas," katanya kepada pemberita pada sidang media di Kementerian Pertahanan hari ini.

Beliau memberi jaminan bahawa ATM mempunyai perancangan ketenteraan yang teliti jika negara menghadapi sebarang ancaman dari mana-mana negara jiran akibat pelaksanaan doktrin pertahanan yang mencabul Malaysia.

"Kita (ATM) mempunyai perancangan... sekiranya kita terancam, kita mempunyai respons," kata Najib.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan rancangan negara tertentu yang mahu menjadikan Malaysia medan peperangan sebagai sebahagian daripada doktrin "forward defence" yang digunakan oleh negara itu.

Najib juga berkata konsep "forward defence" bukanlah sesuatu yang baru bagi angkatan tentera, dan tidak mengancam mana-mana negara jika ia hanya merupakan perancangan.

"Tetapi jika konsep itu dilaksanakan dan mencabul kedaulatan negara ini, maka kita akan ambil tindakan," katanya.

Najib juga ditanya sama ada Malaysia kini perlu meningkatkan belanjawan pertahanannya untuk memperolehi lebih banyak sistem persenjataan moden, dan beliau berkata ATM akan membeli sistem persenjataan yang baru jika keadaan kewangan negara mengizinkan.

Keadaan negara pada masa ini juga belum menghampiri keadaan peperangan, kata beliau.

"Kita masih belum menghampiri keadaan peperangan, sehingga negara terpaksa menanggungkan pembangunan di dalam bidang lain untuk membeli peralatan persenjataan bagi angkatan tentera," katanya.

Mengenai sama ada perlu dasar pertahanan Malaysia diubah bagi menangani ancaman itu, beliau berkata dasar pertahanan dan strategi ATM kini adalah sesuai mengikut keadaan masa ini.

Najib juga ditanya sama ada pihak perisikan ATM ada menerima sebarang laporan tentang perancangan oleh negara jiran itu, dan beliau berkata; "Mungkin ada, kalau Perdana Menteri berkata demikian ia sememangnya ada asas."

Apabila ditanya sama ada terdapat perisik negara asing yang telah menyusup ke negara ini untuk menyediakan perancangan peperangan itu, beliau berkata setakat ini ATM tidak mengesannya.

Mengenai kritikan sesetengah pihak bahawa negara terlalu berlembut dalam menangani pertikaiannya dengan negara jiran, Najib berkata Malaysia tidak mahu terbabit di dalam mana-mana konflik atau pertempuran.

Ditanya mengenai kejadian anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

yang terjatuh dari kapalnya sebelum ditemui di selatan Filipina baru-baru ini, beliau berkata, perkara itu sedang disiasat oleh TLDM.

-- BERNAMA

MHI AZH NMO